

## **Jaminan bekalan makanan di Malaysia: Perspektif pemain industri** (Food security in Malaysia: Perspectives of industry players)

Noorlidawati Ab Halim\* dan Rozita Mohd Yusof\*

Kata penunjuk: jaminan bekalan makanan, makanan keperluan, penawaran

### **Abstrak**

Jaminan bekalan makanan merujuk kepada kewujudan bekalan makanan dan kemampuan untuk memperolehnya. Makanan tersebut mestilah selamat bagi membolehkan manusia menjalani suatu kehidupan yang aktif dan sihat. Kajian ini dijalankan bagi menilai petunjuk strategik penawaran dalam makanan keperluan utama sepanjang rantaian pengeluaran serta kaitannya dengan jaminan bekalan makanan di Malaysia. Temu bual bersemuka melibatkan 33 responden bagi keseluruhan makanan keperluan yang terdiri daripada pengusaha/pengeluar, pengimport, pengilang dan juga pengedar/pemborong bagi industri beras, minyak masak, gula dan tepung gandum. Kajian mendapati pelaksanaan dasar yang dapat mengurangkan kebergantungan import makanan, meningkatkan produktiviti, kepelbagaian produk dan daya maju daripada pengeluaran tempatan masih memerlukan penelitian strategi agar dapat memberi kesan langsung dalam menjamin bekalan makanan negara. Bagi memastikan bekalan makanan yang mencukupi, berkualiti, selamat dimakan, berkhasiat dan kemampuan bekalan makanan untuk memenuhi permintaan, tahap jaminan bekalan makanan perlu dipastikan pada tahap yang bersesuaian. Selain itu, trend pengguna masa kini yang lebih cenderung kepada makanan bernutrisi juga perlu diberi keutamaan bagi memenuhi keperluan pemakanan dan kesihatan.

### **Pengenalan**

Jaminan bekalan makanan mendapat tumpuan seluruh dunia termasuk Malaysia apabila harga makanan meningkat secara mendadak akibat krisis makanan pada tahun 2008. Pada masa akan datang, jaminan bekalan makanan dunia dijangka terus meruncing kesan daripada perubahan iklim, faktor pengeluaran yang terhad dan kenaikan harga input serta persaingan bahan makanan untuk pengeluaran bioteknologi. Keadaan akan bertambah rumit dan mencabar dengan permintaan bahan makanan yang kian meningkat akibat daripada pertumbuhan penduduk dan pendapatan serta perubahan cita rasa pengguna (MOA 2011).

Jaminan bekalan makanan merupakan agenda yang diberi keutamaan oleh kerajaan dan melibatkan semua peringkat termasuklah isi rumah/individu, nasional dan juga global. Terdapat beberapa definisi jaminan bekalan makanan daripada sumber yang berbeza. Walau bagaimanapun, definisi daripada Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO 1996) telah banyak diguna pakai secara meluas. Ia merujuk kepada keadaan yang melibatkan semua peringkat sentiasa memperoleh bekalan makanan yang cukup, selamat dan berkhasiat bagi memenuhi keperluan dan kehendak kehidupan yang aktif serta gaya hidup yang sihat. Berdasarkan FAO, terdapat

---

\*Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial, Ibu Pejabat MARDI, Persiaran MARDI-UPM, 43400 Serdang, Selangor

E-mel: noorlida@mardi.gov.my

©Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 2015

empat parameter atau indikator yang perlu dikenal pasti dalam mengukur jaminan bekalan makanan sesebuah negara iaitu kesediaan bekalan makanan, kemampuan harga membeli, kemudahan akses pasaran dan bekalan makanan yang bernutrisi.

Di Malaysia, jaminan bekalan makanan boleh dikaitkan dengan kesediaan serta kemampuan masyarakat membeli bahan makanan yang berkualiti dengan harga yang berpatutan pada masa yang diperlukan. Selain bekalan yang tidak mencukupi, kenaikan harga yang lebih tinggi adalah kebimbangan utama terutamanya kepada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Keadaan ini menjejaskan kemampuan golongan ini untuk membeli makanan keperluan utama yang diperlukan iaitu beras, minyak masak, tepung gandum dan gula. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menilai petunjuk strategik penawaran dalam makanan keperluan utama sepanjang

rantaian pengeluaran di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit serta kaitannya dengan jaminan bekalan makanan di Malaysia.

### **Konsep jaminan bekalan makanan**

Konsep ini terbahagi kepada tiga komponen yang merangkumi kecukupan pengeluaran makanan, kestabilan bekalan makanan dan akses fizikal serta ekonomi oleh kumpulan yang memerlukan (FAO 1983). Konsep ini kemudiannya diperincikan lagi dengan merangkumi empat komponen (FAO 2006), seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 1. United States Agency for International Development (USAID 1992)* pula menjelaskan bahawa jaminan bekalan makanan merujuk kepada keadaan apabila semua penduduk pada setiap masa mempunyai akses fizikal dan ekonomi kepada makanan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan diet bagi kehidupan

Jadual 1. Komponen konsep jaminan bekalan makanan

Komponen	Perincian
Ketersediaan makanan	Keupayaan isi rumah untuk mendapatkan kuantiti bekalan makanan yang mencukupi dalam kualiti yang sewajarnya. Kesediaan kuantiti makanan yang mencukupi dan berkualiti yang dibekalkan melalui pengeluaran domestik atau import dan bantuan makanan. Pengeluaran makanan tersebut mestilah mencukupi mengikut keperluan manusia.
Akses makanan	Akses isi rumah terhadap sumber yang mencukupi (hak) untuk mendapatkan makanan yang sesuai bagi menampung keperluan dietnya. Kecukupan makanan dihasilkan melalui kombinasi pengeluaran dan stok dalam isi rumah, pembelian, hadiah, meminjam atau melalui bantuan makanan.
Penggunaan makanan	Keupayaan isi rumah untuk mendapatkan nutrien yang mencukupi melalui jumlah makanan yang diambil, keupayaan mendapat air yang bersih serta tahap dan penjagaan kesihatan bagi memenuhi pemakanan yang baik dalam mencapai keperluan fisiologinya. Di samping itu, pengetahuan isi rumah dalam pengurusan dan teknik pemprosesan makanan (keperluan bahan bukan makanan) juga adalah penting.
Kestabilan makanan	Isi rumah mempunyai akses untuk mendapatkan makanan yang mencukupi pada setiap masa. Bagi memastikan tahap kestabilan makanan isi rumah terjamin, risiko luar jangka yang boleh mengancam keselamatan makanan seperti krisis ekonomi, perubahan iklim dan sebagainya perlu ditangani dengan berkesan.

Sumber: MOA (2008), Noorfazreen dan Ahmad (2010) dan Ahmad (2014)

yang produktif dan sihat. Menurut USAID, jaminan bekalan makanan meliputi tiga dimensi iaitu kebolehdapatan makanan dalam kuantiti yang mencukupi pada kualiti yang bersesuaian (bekalan melalui pengeluaran domestik atau import), akses oleh isi rumah dan individu untuk sumber yang mencukupi bagi mendapatkan makanan yang bersesuaian dengan diet yang berkhasiat dan penggunaan makanan yang teratur berdasarkan pengetahuan mengenai penyimpanan dan pemprosesan makanan, diet, penjagaan kanak-kanak, sanitasi dan kesihatan (Ahmad 2014).

Dalam konteks Malaysia, jaminan bekalan makanan negara terbahagi kepada tiga elemen utama iaitu kesediaan makanan yang merujuk kepada bekalan bahan makanan yang konsisten dan mencukupi, kebolehdapatan bahan makanan yang bermaksud bekalan yang mencukupi dan berkhasiat dan makanan berkhasiat yang mampu memberi zat yang diperlukan dalam nutrisi (MOA 2008).

Jaminan bekalan makanan penting bagi memastikan masyarakat memperoleh makanan asas yang berkhasiat tanpa perlu berhadapan dengan masalah kekurangan bekalan makanan atau terpaksa membayar pada harga yang melampau. Kesan buruk ketiadaan bekalan makanan ialah masalah kebuluran dan kelaparan. Dengan memastikan bekalan makanan mencukupi pada harga yang mampu dibayar oleh penduduk, secara tidak langsung ia akan menghapuskan kesan-kesan bahaya yang berpunca daripada masalah kebuluran dan kekurangan zat makanan seperti jenayah mencuri, merompak, rusuhan dan sebagainya (Asmak 2009).

### **Metodologi**

Kajian ini melibatkan pemain industri bagi setiap makanan keperluan yang dikaji iaitu beras, minyak masak, gula dan tepung gandum. Responden terdiri daripada pengusaha/pengeluar, pengimport, pengilang dan juga pengedar/pemborong di Semenanjung Malaysia. Pemilihan

responden adalah menggunakan kaedah pensampelan tujuan (*purposive sampling*) iaitu responden yang terlibat secara langsung dan mempunyai pengalaman serta pengetahuan tentang tujuan kajian yang dijalankan. Temu bual bersemuka melibatkan 20 responden bagi komoditi beras, 5 responden bagi tepung gandum, 2 responden bagi gula serta 6 responden bagi minyak masak. Borang soal selidik berstruktur digunakan semasa temu bual dijalankan bersama responden. Data sekunder diperoleh melalui laporan BERNAS, data dan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia dan sebagainya. Analisis kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan Struktur – Kelakuan – Prestasi [*Structure – Conduct – Performance (SCP)*]. Pendekatan SCP mengambil kira dimensi struktur pasaran dan tingkah laku pemain industri/komoditi yang memberi kesan kepada prestasi pasaran. Analisis SCP ini dapat menilai corak penawaran makanan keperluan dalam rantaian pengeluaran di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit serta kaitannya dengan jaminan bekalan makanan di Malaysia. Pendekatan SCP melibatkan unsur seperti:

- i) struktur pasaran – ciri yang agak stabil seperti penumpuan bekalan dan permintaan daripada pasaran yang mempengaruhi persaingan antara pembeli dengan penjual yang beroperasi di pasaran
- ii) kelakuan pasaran – corak tingkah laku yang diamalkan oleh peniaga dan peserta lain di pasaran yang memberi kesan kepada pasaran
- iii) prestasi pasaran – sejauh mana hasil/dapatan pasaran bagi sesuatu industri dapat memberi kesan positif dalam membantu pendapatan dan boleh diutamakan oleh negara

### **Keputusan dan perbincangan**

#### ***Struktur pasaran***

Penilaian struktur pasaran menunjukkan pemain industri merupakan indikator

dalam industri tepung yang mempengaruhi persaingan di pasaran. Bagi industri beras pula, indikator seperti kawalan beras, kos dan teknologi mempengaruhi pasaran. Kawalan bekalan pula merupakan indikator yang mempengaruhi pasaran dalam industri minyak masak dan persaingan antara

pemborong pula merupakan indikator yang mempengaruhi pasaran gula (*Jadual 2*).

### ***Kelakuan pasaran***

Dapatan kajian menunjukkan indikator seperti harga, amalan perdagangan, pengurusan stok dan amalan penjualan

Jadual 2. Penunjuk strategik struktur pasaran

Makanan keperluan	Indikator	Struktur pasaran	Kesan jaminan bekalan makanan
Tepung gandum	Pemain industri	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah pemain industri yang terlibat dalam industri tepung adalah kecil iaitu 19 pengusaha. Hanya 7 kilang sahaja yang beroperasi mengimport dan menghasilkan tepung gandum sama ada tepung gandum bukan kegunaan umum (NGP) atau tepung gandum kegunaan umum (GP).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kuasa pasaran dikawal oleh pemain industri terutamanya terhadap produk tepung gandum NGP. Penetapan harga bagi produk tersebut dikawal dan ditentukan oleh pasaran. Mengurangkan kuasa pembelian terutamanya isi rumah yang berpendapatan rendah.</li> </ul>
Beras	Kawalan beras	<ul style="list-style-type: none"> <li>BERNAS merupakan pengimport tunggal beras.</li> <li>BERNAS mempunyai 32 kilang di Semenanjung Malaysia dan 49 pusat pengedaran di Malaysia.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>BERNAS diberikan hak untuk mengimport beras – kekangan dalam penyediaan bekalan disebabkan oleh kawalan dan mendorong kepada penyeludupan.</li> <li>Sumber bekalan sentiasa ada tetapi kawalan harga yang lebih tinggi kepada pemborong terutama bagi beras import.</li> </ul>
	Kos	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kekurangan modal dan persaingan dalam ketidakstabilan harga.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kesan kepada beras berkualiti rendah dan menyebabkan pengurangan harga.</li> </ul>
	Teknologi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Teknologi ladang sedia ada.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Petani kurang menggunakan teknologi ladang yang disyorkan oleh pihak bertanggungjawab dan mengakibatkan pengeluaran kurang berkualiti serta produktiviti yang rendah.</li> </ul>
Minyak masak	Kawalan bekalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada kawalan penjualan dan pembelian terutamanya terhadap pengguna industri yang membeli minyak bersubsidi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pewujudan '<i>cross-cooking oil subsidies scheme</i>' bagi minyak kepada pengguna isi rumah.</li> </ul>
Gula	Persaingan borong	<ul style="list-style-type: none"> <li>Persaingan dalam kalangan pemborong bagi mendapatkan bekalan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Permintaan yang tinggi di peringkat borong dalam mendapatkan bekalan gula di pasaran tempatan, sumber bekalan yang tidak mencukupi kerana setiap penjual/pemborong mempunyai kadar pembelian yang ditetapkan oleh kerajaan untuk membeli dan menjual gula.</li> </ul>

merupakan faktor-faktor yang memberi kesan kepada pasaran dalam industri tepung. Persaingan harga beras dan stok penimbal pula antara indikator yang mempengaruhi pasaran beras. Harga bahan mentah, stok bekalan syarikat dan pasaran gelap merupakan indikator pasaran yang mempengaruhi industri minyak masak. Kawalan harga dan sumber penggantian pula merupakan indikator yang mempengaruhi kelakuan pasaran gula (*Jadual 3*).

### ***Prestasi pasaran***

Harga dan tahap kestabilan, pengeluaran, pengedaran dan kualiti produk antara indikator yang mempengaruhi prestasi pasaran tepung gandum. Indikator pengeluaran dan kualiti produk memberi kesan kepada pasaran beras. Indikator pemantauan didapati boleh mempengaruhi pasaran minyak masak manakala kontrak jangka panjang adalah indikator utama yang

Jadual 3. Petunjuk strategik kelakuan pasaran

Makanan keperluan	Indikator	Kelakuan pasaran	Kesan jaminan bekalan makanan
Tepung gandum	Harga	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tepung gandum kegunaan umum (GP)               <ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan kawal harga pasaran dengan kadar subsidi tetap dan kuota.</li> </ul> </li> <li>Tepung gandum bukan kegunaan umum (NGP)               <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengilang dan pengimport menetapkan harga pasaran.</li> </ul> </li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kawalan harga hanya tertumpu kepada tepung gandum GP manakala bagi tepung gandum NGP harga ditentukan oleh pasaran.</li> <li>Ketidakpastian harga untuk tepung gandum NGP – ditentukan oleh kuasa pasaran.</li> </ul>
		Amalan perdagangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Harga perdagangan berdasarkan pasaran gandum dunia – meningkat dan tidak menentu.</li> <li>Pengimport sangat bergantung kepada penghantaran laut.</li> </ul>
	Pengurusan stok	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengilang menyimpan stok gandum sendiri dan kuantiti berdasarkan keupayaan pengilang.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengilang tiada stok penimbal. Kerajaan perlu menguruskan stok penimbal bagi memastikan bekalan yang berterusan.</li> </ul>
	Amalan penjualan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada gred dan standard yang perlu diikuti untuk kedua-dua tepung gandum GP/tepung gandum NGP.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kualiti tepung yang rendah, tetapi dijual dengan harga yang lebih tinggi.</li> </ul>

(samb.)

Jadual 3. (samb.)

Makanan keperluan	Indikator	Kelakuan pasaran	Kesan jaminan bekalan makanan
Beras	Persaingan harga beras	<ul style="list-style-type: none"> <li>Persaingan harga antara kilang BERNAS, anak syarikat BERNAS dan kilang swasta untuk memperoleh bekalan padi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bersaing antara pengilang/pemproses, menetapkan harga tinggi kepada petani dan menjamin sumber yang banyak.</li> </ul>
	Stok penimbal	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada penguatkuasaan dan pemantauan berkala dalam mengawal stok beras bagi jaminan bekalan sewaktu keperluan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keselamatan bekalan makanan tidak stabil. Ketersediaan stok penimbal hanya mampu menampung keperluan bagi tempoh 45 hari.</li> </ul>
Minyak masak	Harga bahan mentah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak ada kuasa untuk mengawal harga dan sentiasa turun naik.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Harga bahan mentah yang tidak dikawal membawa kepada ketidakstabilan harga produk.</li> </ul>
	Stok bekalan syarikat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kekurangan bekalan untuk penjualan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengilang tidak menyediakan stok penimbal. Kawalan penjualan hanya pada waktu perayaan dan sebagainya bagi mengelak kekurangan bekalan minyak masak.</li> </ul>
	Pasaran gelap	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada tindakan untuk kawal had pembelian minyak masak bersubsidi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keadaan ini menyebabkan bekalan di pasaran kurang stabil kerana pengguna industri membeli minyak bersubsidi dan mengurangkan stok di pasaran.</li> </ul>
Gula	Kawalan harga	<ul style="list-style-type: none"> <li>Harga ditentukan oleh kerajaan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada lagi subsidi gula, harga runcit yang tinggi dan had pembelian untuk simpanan, menyebabkan penyeludupan apabila harga luar lebih rendah.</li> </ul>
	Sumber penggantian	<ul style="list-style-type: none"> <li>Alternatif produk.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada sumber penggantian yang sesuai dan mencukupi, meningkatkan kadar gula import, kebergantungan kepada negara pengimport dan tidak menjamin kestabilan bekalan yang berterusan terutamanya pada waktu keperluan atau krisis.</li> </ul>

memberi kesan kepada prestasi pasaran gula (Jadual 4).

### **Kesimpulan**

#### ***Tepung gandum***

Secara umumnya penawaran tepung gandum boleh dibahagikan kepada dua iaitu tepung gandum kegunaan umum

(GP) dan tepung gandum bukan kegunaan umum (NGP). Tepung gandum menerima subsidi daripada kerajaan dan dikhususkan untuk penggunaan isi rumah. Tepung gandum NGP pula tidak menerima subsidi kerajaan dan dikhususkan untuk pengguna industri pemprosesan makanan. Faktor harga juga turut mempengaruhi penawaran

Jadual 4. Petunjuk strategik prestasi pasaran

Makanan keperluan	Indikator	Prestasi pasaran	Kesan jaminan bekalan makanan
Tepung gandum	Harga dan tahap kestabilan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengilang yang menghasilkan tepung gandum bukan kegunaan umum (NGP) lebih banyak jika dibandingkan dengan tepung gandum kegunaan umum (GP) disebabkan oleh kenaikan harga gandum.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ini adalah disebabkan oleh harga tepung gandum GP dikawal oleh kerajaan dan tepung gandum NGP ditentukan oleh kuasa pasaran. Kecenderungan pengilang dalam mengeluarkan tepung gandum NGP dipengaruhi oleh harga pasaran yang lebih tinggi sebab daripada kenaikan harga gandum dunia.</li> </ul>
	Pengeluaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengilang menghasilkan 15% tepung gandum GP dan 85% tepung gandum NGP.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah bekalan tepung gandum GP yang lebih rendah.</li> </ul>
	Pengedaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Amalan tidak beretika oleh pembeli industri yang membeli tepung gandum bersubsidi yang dikhususkan kepada pengguna individu/isi rumah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurangkan stok untuk isi rumah dalam pasaran.</li> </ul>
	Kualiti produk (termasuk keselamatan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengimport tepung gandum lebih murah (iaitu tercemar, sumber halal, keselamatan makanan).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keupayaan pengguna dalam mendapatkan tepung gandum berkualiti dan bernutrisi adalah terhad.</li> </ul>
Beras	Pengeluaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengilang lebih tertumpu dalam menghasilkan pengeluaran ST15% iaitu beras bersubsidi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Fokus kepada pengeluaran beras subsidi untuk membantu pengilang, pemborong dan pengguna.</li> <li>Walau bagaimanapun, terdapat pembelian beras bersubsidi yang tidak dikawal terutamanya oleh golongan pendatang menyebabkan isi rumah berpendapatan rendah tidak menerima/dapat membeli.</li> </ul>
	Kualiti produk	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kualiti padi yang rendah disebabkan oleh petani yang tidak mengamalkan amalan pertanian baik dan pengendalian lepas tuai yang disyorkan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penghasilan beras yang berkualiti rendah yang menyebabkan kadar beras patah (<i>broken rice</i>) yang tinggi ketika pemprosesan.</li> </ul>
Minyak masak	Pemantauan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kurang berkesan dan tidak cekap.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengurusan bahan mentah tidak berkualiti dan pencemaran semasa pengangkutan.</li> </ul>

(samb.)

Jadual 4. (samb.)

Makanan keperluan	Indikator	Prestasi pasaran	Kesan jaminan bekalan makanan
Gula	Kontrak jangka panjang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumber bekalan yang konsisten.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bekalan sepenuhnya daripada pengimport, tiada subsidi dan menyebabkan kawalan harga gula turun naik.</li> <li>• Harga kontrak (USD430/tan) adalah lebih tinggi daripada harga pasaran (USD370/tan).</li> </ul>

tepung gandum dalam kalangan pengeluar dan pengguna. Disebabkan harga yang ditentukan oleh pasaran dan tidak dikawal oleh kerajaan, kebanyakan pengeluar sedia ada lebih cenderung untuk mengeluarkan tepung gandum NGP. Selain itu, liberalisasi perdagangan dalam industri tepung membuka peluang kepada pengimport tepung untuk mendapatkan akses terhadap tepung gandum NGP terus dari negara pengeluar. Walau bagaimanapun, kurangnya penguatkuasaan menyebabkan tepung gandum yang kurang berkualiti juga turut dibawa masuk. Sumber bekalan yang sentiasa ada menyebabkan pengilang tidak menyimpan stok dan ini boleh menjejaskan jaminan bekalan makanan jika berlaku sebarang krisis atau bencana.

#### **Beras**

Penawaran beras negara diperolehi daripada sumber dalam negara dan juga import. Ketersediaan bekalan dijamin oleh BERNAS yang menjadi pengimport tunggal negara, namun begitu terdapat kawalan harga yang tinggi kepada pemborong terutamanya untuk mendapatkan beras import. Sebanyak 30% daripada bekalan beras negara ialah beras import yang menampung permintaan terutamanya terhadap beras berkualiti. Selain itu, produktiviti pengeluaran dan kualiti beras yang masih rendah adalah disebabkan oleh petani yang kurang mengamalkan amalan pertanian yang disyorkan. Penghasilan padi yang kurang berkualiti mendorong kepada penghasilan beras patah yang tinggi. Oleh itu, pengurusan lepas tuai yang lebih sempurna dan cekap dapat

menjamin dan memastikan pengeluaran beras lebih berkualiti. Keupayaan pihak bertanggungjawab dalam memantau pengedaran dan penjualan beras bersubsidi kepada pengguna sama ada pengguna tempatan atau pendatang juga merupakan antara faktor yang mempengaruhi jaminan bekalan makanan.

#### **Minyak masak**

Penawaran minyak masak secara umumnya bergantung kepada pasaran dan permintaan pengguna. Ketersediaan penawaran dalam minyak masak mendapati tindakan pengguna industri yang membeli minyak masak bersubsidi bagi kegunaan isi rumah menyebabkan berlaku ketidakstabilan harga yang ditetapkan oleh pemborong dan peruncit. Ini kerana apabila bekalan berkurangan bagi menampung permintaan dalam kalangan pengguna isi rumah, golongan yang menjual ini menetapkan harga yang lebih tinggi daripada harga kawalan yang ditentukan oleh kerajaan. Pembelian tiada had sama ada oleh pemain industri dan juga pengguna memerlukan pemantauan berterusan dan bukan hanya pada musim perayaan sahaja. Ini bagi memastikan stok simpanan kekal ada, harga dikawal dan stabil di peringkat pengguna. Harga minyak masak terutama bahan mentah yang tidak dikawal dan membawa kepada turun naik harga. Selain itu, pengurusan bahan mentah yang kurang dipantau mendorong kepada penghasilan bahan mentah yang berkualiti rendah dan kurang terjamin.



### **Gula**

Jaminan bekalan makanan untuk gula menunjukkan bekalan gula putih negara bergantung sepenuhnya pada import dari beberapa buah negara bagi memenuhi permintaan pengguna dan pemain industri. Pada umumnya, pengimport mengimport gula yang belum diproses, mengilang di dalam negara dan menjualnya kepada pengguna. Kemampuan negara menunjukkan kadar sara diri penggunaan gula dalam kalangan isi rumah yang bergantung kepada gula import secara keseluruhan kerana pengeluaran gula tempatan yang tidak ekonomik. Selain itu, ketidakstabilan harga yang disebabkan oleh kawalan pengeluaran gula di pasaran serta kawalan pelesenan mempengaruhi jaminan bekalan gula di pasaran negara.

Oleh itu, bagi memastikan bekalan makanan yang mencukupi, berkualiti, selamat dimakan, berkhasiat dan kemampuan bekalan makanan untuk memenuhi permintaan, kerajaan perlu memastikan tahap jaminan bekalan makanan adalah pada tahap yang bersesuaian. Selain itu, trend pengguna masa kini yang lebih cenderung untuk mendapatkan makanan bernutrisi juga perlu diberi keutamaan bagi memenuhi keperluan pemakanan dan kesihatan.

Pelaksanaan dasar yang dapat mengurangkan kebergantungan import makanan, meningkatkan produktiviti, kepelbagaian produk dan daya maju daripada pengeluaran tempatan perlu strategi yang teliti agar dapat memberi kesan

langsung dalam menjamin bekalan makanan negara. Selain itu, ia juga dilihat dapat meningkatkan pendapatan untuk pengeluar dan pengilang dengan mempelbagaikan pendapatan bagi memenuhi keperluan pengguna tempatan dan eksport melalui industri mampan serta kestabilan harga.

### **Bibliografi**

- Ahmad, Z.I. dan Radin Firdaus, R.B. (2014). Penilaian akses makanan dan penentu perbelanjaan ke atas makanan dalam kalangan petani padi di kawasan pengairan MADA. *International Journal of Environment, Society and Space* 2(1): 18 – 32
- Asmak, A.R. (2009). Sekuriti makanan dari perspektif syariah. *Jurnal Syariah* 17(2): 299 – 326
- FAO (1983, 1996, 2006). Food And Agricultural Organization (FAO). Diperoleh pada 1 Feb. 2014 dari [www.fao.org/economic/ess/ess-fs/en/](http://www.fao.org/economic/ess/ess-fs/en/)
- MOA (2011). Dasar Agro Makanan (2010 – 2020). Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
- (2008). Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). Diperoleh pada 1 Apr. 2014 dari [www.moa.gov.my](http://www.moa.gov.my)
- Noorfazreen, M.A. dan Asmak, A.R. (2010). Perlaksanaan dasar sekuriti makanan di Malaysia: Kajian dari perspektif ekonomi islam. *Prosiding PERKEM V*, Jilid 2, p. 357 – 367
- Roslina, A., Abu Kasim, A., Rozhan, A.D., Mohd Rashid, R. dan Rosnani, H. (2013). Sekuriti makanan isi rumah: perspektif permintaan terhadap beras di Malaysia. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Padi Kebangsaan
- USAID (1992). United States Agency for International Development (USAID). Diperoleh pada 1 Feb. 2014 dari [www.usaid.gov](http://www.usaid.gov).

**Abstract**

Food security refers to the existence of food supply and the ability to get it. Food must be safe to meet the requirements and selection of human nutrition to enable them to lead an active and healthy life. This study was conducted to assess the strategic indicators of food supply needs in the production chain, and its relation to food security in Malaysia. Face-to-face interviews were conducted involving 33 respondents ranging from entrepreneurs/manufacturers, importers, manufacturers and distributors/wholesalers of rice, cooking oil, sugar and flour. The implementation of policies that can reduce dependence on imports of food, improve productivity, product diversity and viability of local production still requires further research strategies to have a direct impact in ensuring national food supply. To ensure an adequate food supply, quality, safe to eat, nutritious food supply and the ability to meet the demand, the government needs to ensure food security is at the appropriate level. In addition, the trends of today's consumers that prefer nutritious food should also be prioritised to meet the nutritional and health needs of this user group use.